

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI
PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT]**

TARIKH : 26 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN

DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah perkembangan Program PeKa B40 dan setakat ini berapakah bilangan terkini yang mendapat manfaat daripada program ini khususnya di negeri Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 atau dikenali sebagai PeKa B40 telah dilaksanakan di seluruh Negara sebagai projek perintis bermula 15 April 2019. Skim ini memberi fokus kepada saringan kesihatan bagi penyakit tidak berjangkit. Empat (4) pakej manfaat yang ditawarkan adalah:

- a) Saringan Kesihatan;
- b) Bantuan Alat Perubatan;
- c) Insentif Melengkapkan Rawatan Kanser; dan
- d) Insentif Tambang Pengangkutan.

Penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) yang berumur 50 tahun ke atas dan pasangannya yang berdaftar adalah layak secara automatik menyertai skim ini. PeKa B40 dilaksanakan dengan kerjasama klinik

SOALAN NO : 19

perubatan swasta yang berminat dan enam (6) makmal swasta berangkaian yang dikontrak. Sehingga 24 September 2019, sebanyak 1,430 buah klinik perubatan swasta telah berdaftar sebagai Klinik PeKa B40. Seramai 88,844 orang penerima BSH termasuk pasangan mereka yang berdaftar, berumur 50 tahun dan ke atas telah menjalani saringan kesihatan di bawah PeKa B40. Sehingga 1 September 2019, seramai 655 orang menerima manfaat 2, seramai 229 orang telah menerima manfaat 3 dan seramai 703 orang telah menerima manfaat 4.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, di negeri Sabah jumlah keseluruhan penerima BSH yang berumur 50 tahun dan ke atas adalah seramai 293,763 orang. Bagi projek perintis ini, dengan peruntukan RM100 juta untuk seluruh Negara, maka adalah dianggarkan seramai 59,613 orang rakyat negeri Sabah berpeluang menjadi penerima manfaat PeKa B40 berdasarkan konsep '*first come, first serve*' (dengan izin). Sehingga 24 September 2019, seramai 7,550 orang penerima manfaat di Sabah telah menjalani saringan kesihatan di bawah PeKa B40. Ini menjadikan Sabah negeri kelima tertinggi mengecapi saringan kesihatan selepas Sarawak, Kedah, Pulau Pinang dan Perak.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kini sedang giat mempertingkatkan aktiviti promosi dan publisiti PeKa B40 sama ada melalui media cetak, elektronik, media sosial dan komunikasi bersemuka. KKM juga telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan saringan kesihatan secara '*outreach*' (dengan izin). Aktiviti ini melibatkan kerjasama antara agensi-agensi Kerajaan yang berkait rapat dengan kumpulan B40 seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung.

Sekian, terima kasih.